



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA KSU KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KDN

Merujuk kepada kenyataan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali Ketua Setiausaha Negara berikutan kepada situasi politik semasa mengenai Tekad Perkhidmatan Awam, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengambil pendekatan dengan menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, Kementerian ini termasuklah jabatan dan agensi di bawah KDN akan sentiasa melaksanakan tugas sebagai penjawat awam yang profesional bagi memastikan segala pengurusan dan pentadbiran berjalan lancar dan tidak terganggu.

Kementerian ini akan tetap memainkan peranannya dalam menjamin keselamatan dan ketenteraman awam dan tanggungjawab sebagai barisan hadapan dalam menangani pandemik Covid-19 akan terus dilaksanakan terutamanya dalam menguatkuasakan Prosedur Operasi Standard (SOP).

Semua perancangan, operasi dan perkhidmatan di bawah kementerian seperti penguatkuasaan dasar-dasar keselamatan, pelaksanaan projek pembangunan, program vaksinasi dan program Pelan Pemulihan Negara sentiasa dipastikan berjalan lancar seperti yang ditetapkan.

Warga KDN juga akan sentiasa memastikan peranan yang telah dipertanggungjawabkan terus dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

###

DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

16 Ogos 2021